

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan punca air bagi loji-loji air seluruh negara adalah bersih, selamat dan tidak tercemar oleh air buangan dari kilang-kilang perindustrian dan sebagainya, termasuklah cara mengesan punca pencemaran dan tindakan yang boleh diambil terhadap pihak-pihak yang mencemarkan punca air.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pengurusan sumber air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, kerajaan negeri melalui badan kawal selia sumber air dan pihak-pihak berkuasa negeri masing-masing bertanggungjawab memantau aktiviti-aktiviti di kawasan tadahan yang boleh mencemarkan sumber air bagi memastikan air mentah yang di abstrak oleh loji-loji rawatan air mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Selain itu, semua aktiviti pelepasan efluen dan bahan sisa buangan dari kawasan industri dan loji kumbahan dan kerja tanah seperti kuari dan pembangunan tanah perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

3. Selain daripada pengawasan dan penguatkuasaan oleh badan-badan kawal selia, pemantauan secara berjadual ke atas sungai yang menjadi sumber air minum juga dilaksanakan seperti berikut:
- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau kualiti air mentah dengan melakukan pensampelan air secara mingguan dan bulanan di muka sauk loji rawatan air;
 - (ii) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memantau operasi loji-loji rawatan kumbahan awam dan persendirian supaya efluen yang dilepaskan mematuhi standard yang ditetapkan; dan
 - (iii) operator-operator rawatan air mengawasi kualiti air sepanjang masa sama ada secara manual atau menggunakan peralatan *online analyser* di stesen-stesen pemantauan sungai bagi mengelakkan pengambilan air mentah yang tercemar.
4. Selain pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan, pihak kerajaan negeri juga memainkan peranan penting

dalam mengawal pembangunan-pembangunan di kawasan tadahan supaya aktiviti-aktiviti yang dibenarkan tidak akan menjejaskan kualiti dan kuantiti sumber air. Oleh itu, semua kerajaan negeri perlu digesa untukewartakan kawasan tadahan air supaya aktiviti-aktiviti di kawasan tersebut terkawal dan mengutamakan pemuliharaan alam sekitar. Melalui kaedah ini, sumber-sumber air dapat dikekalkan supaya terus dapat digunakan sebagai sumber air minuman di kawasan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

5. Tanggungjawab untuk memastikan sumber air terus bersih dan selamat digunakan perlu juga digalas oleh orang awam. Saya berharap setiap ahli Yang Berhormat dapat mengadakan program di kawasan Parlimen masing-masing yang boleh memupuk rasa kasih dan cinta kepada kawasan tadahan dan sumber air di kawasan masing-masing. Pihak industri di kawasan tersebut sama ada dalam bidang pengilang, perniagaan, perladangan, pembalakan dan perlombongan perlu diajak untuk menyumbang tenaga dan kewangan kepada setiap aktiviti pemuliharaan kawasan tadahan dan punca air. Masyarakat awam juga perlu peka dengan melaporkan kegiatan-kegiatan yang boleh

mencemarkan kawasan tadahan dan sungai. Dengan semangat ini, saya yakin sumber air akan sentiasa bersih.
